



GARIS PANDUAN

**PERKAHWINAN ORANG ISLAM
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) DAN
PASCA PKP COVID -19**



جائتہ کما جواہر اسلام ملیسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TUJUAN

Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 2 yang bersidang pada 9 April 2020 telah bersetuju dengan ketetapan bagi menyediakan satu garis panduan berkaitan pernikahan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pandemik COVID-19.

Garis panduan ini disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam Majlis Pernikahan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pandemik COVID-19. Ianya dibangunkan agar menepati kehendak syarak dengan mengambilkira pandangan pakar dan ketetapan polisi serta dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Ianya sekaligus dapat mengelak kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan umat Islam bagi pengurusan pernikahan semasa PKP dan Pasca PKP. Namun begitu, Garis Panduan ini tidak menafikan usaha dan kesahihan garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri selagimana ia menepati kehendak syarak.

DALAM TEMPOH PKP MAJLIS MELALUI SIDANG VIDEO

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
1.	PERATURAN	<p>Kebenaran Berkahwin telah diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Negeri</p> <p>Berlaku akad nikah sebagaimana diperuntukan di bawah Akta/Enakmen yang berkuatkuasa di negeri</p> <p>Sesuatu perkahwinan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak.</p> <p>Jika suatu perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.</p>	Pemohon dan JAIN	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
2.	SYARAT-SYARAT	<p>Hendaklah majlis ini berlangsung ditahap al-yakin bukan al-zhan.</p> <p>Tidak ada unsur penipuan (al-gharar) dan keraguan.</p> <p>Cukup semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum syarak.</p> <p>Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.</p> <p>Tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuatkuasa.</p>	Pemohon dan JAIN	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
3.	DOKUMENTASI	Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (PNCR) / Penolong Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (PPNCR) hendaklah menghantar Catatan Daftar Perkahwinan sebagaimana Garis panduan yang telah diperuntukkan.	JAIN	
4.	PELAKSANAAN	Perkakasan / peralatan Sidang Video hendaklah yang bersesuaian serta boleh menampung komunikasi yang jelas dan nyata.	PENGANTIN & PNCR/PPNCR	
		Talian yang hendak digunakan adalah baik untuk mendengar dan menyahut balas segera ijab qabul.		
		Majlis Akad Nikah hendaklah dirakam dan direkodkan sebagai bukti untuk pendaftaran nikah.		
		PNCR/PPNCR hendaklah memastikan dengan teliti segala dokumen Kebenaran Berkahwin dan Rukun Nikah sebelum pelaksanaan majlis akad nikah.	PNCR/PPNCR	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
4.	PELAKSANAAN	<p>Kehadiran majlis akad nikah terhad kepada individu berikut; PNCR/PPNCR, wali, pengantin lelaki, pengantin perempuan, dua orang saksi, pengurus teknikal (IT), bapa pengantin lelaki, ibu pengantin lelaki dan ibu pengantin perempuan.</p> <p>Melaksanakan penjarakan sosial (Social Distancing)</p> <p>Tidak boleh bersalaman ketika akad nikah</p> <p>Tidak boleh bersalaman dan berpelukan sepanjang berada di majlis akad nikah</p> <p>Majlis Akad Nikah (khutbah, akad nikah, bacaan lafaz taklik dan doa) tidak melebihi 20 minit</p> <p>Hendaklah segera bersurai setelah majlis akad nikah selesai</p> <p>Menyediakan 'hand sanitizer' di tempat yang sesuai</p>	<p>SEMUA PIHAK YANG BERKENAAN</p> <p>PIHAK PENGANTIN</p>	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
5.	SITUASI	<p>a. Wali dan pengantin perempuan berada di Negeri A tetapi lelaki berada di luar negara/negeri/kariah/tempat lain</p> <p>i. Akad Nikah hendaklah disempurnakan oleh wali atau wakil wali.</p> <p>ii. Pengantin lelaki menjawab lafaz qabul melalui video conference.</p> <p>iii. Lafaz takliq dibaca oleh lelaki melalui video conference.</p> <p>iv. PNCR / PPNCR hendaklah membuat Catatan dalam Catatan Daftar Perkahwinan merekod lafaz tersebut telah dibaca melalui video conference.</p> <p>v. Tandatangan wali dan pengantin perempuan dilakukan sebagaimana biasa dalam majlis akad nikah.</p> <p>vi. PNCR /PPNCR menyerahkan Surat Pengesahan Nikah kepada pengantin perempuan atau wali.</p>	WALI/PENGANTIN/ PNCR/PPNCR	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
5.	SITUASI	<p>b) Wali dan Pengantin Lelaki berada di Negeri A tetapi pengantin perempuan berada di luar negara/negeri/ kariah/tempat lain</p> <p>i. Akad Nikah hendaklah disempurnakan oleh wali atau wakil wali.</p> <p>ii. Pengantin lelaki menjawab lafaz qabul.</p> <p>iii. Lafaz takliq dibaca oleh pengantin lelaki.</p> <p>iv. PNCR / PPNCR hendaklah membuat catatan dalam Catatan Daftar Perkahwinan merekod bahawa pengantin perempuan telah mendengar bacaan lafaz takliq melalui video conference.</p> <p>v. Tandatangan wali dan pengantin lelaki dilakukan sebagaimana biasa dalam majlis akad nikah.</p> <p>vi. PNCR / PPNCR menyerahkan Surat Pengesahan Nikah kepada pengantin lelaki.</p>	WALI/PENGANTIN/ PNCR/PPNCR	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
5.	SITUASI	<p>c) Pengantin lelaki dan perempuan berada di Negeri A manakala wali berada di luar negara/negeri/ kariah/tempat lain</p> <p>i. Wali menyempurnakan lafaz Ijab melalui Sidang Video.</p> <p>ii. Pengantin lelaki menjawab dalam majlis Akad Nikah melalui Sidang Video.</p> <p>iii. Bacaan takliq dibaca dalam Majlis Akad Nikah dan ditandatangani oleh kedua-dua pasangan.</p> <p>iv. Pada ruangan tandatangan wali, PNCR / PPNCR hendaklah mencatat bahawa wali telah menyaksikan melalui video conference.</p> <p>v. PNCR / PPNCR menyerahkan Surat Pengesahan Nikah kepada pengantin lelaki.</p>	WALI/PENGANTIN / PNCR/PPNCR	
PERINGATAN		Semua pihak yang terlibat hendaklah mengambil maklum dan memastikan semua peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dipatuhi.		

DALAM TEMPOH PASCA PKP MAJLIS DENGAN KEHADIRAN TERHAD

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
1.	PERATURAN	<p>Kebenaran Berkahwin telah diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Negeri</p> <p>Akad nikah dilaksanakan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta/Enakmen yang berkuatkuasa di negeri</p> <p>Perkahwinan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak.</p> <p>Jika suatu perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak, maka perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.</p>	Pemohon dan JAIN	

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
2.	SYARAT-SYARAT	Tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuatkuasa.	Pemohon dan JAIN	
3.	DOKUMENTASI	Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (PNCR) / Penolong Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (PPNCR) PNCR / PPNCR hendaklah menghantar Catatan Daftar Perkahwinan sebagaimana Garis panduan yang telah diperuntukkan.		
		PNCR / PPNCR hendaklah memastikan dengan teliti segala dokumen Kebenaran Berkahwin dan Rukun Nikah sebelum pelaksanaan majlis akad nikah	PNCR / PPNCR	
4.	PELAKSANAAN	Kehadiran majlis akad nikah terhadap kepada individu berikut; PNCR/PPNCR, wali, pengantin lelaki, pengantin perempuan, dua orang saksi, pengurus teknikal (IT), bapa pengantin lelaki, ibu pengantin lelaki dan ibu pengantin perempuan		

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
5.	PELAKSANAAN	Melaksanakan penjarakan sosial (Social Distancing)	WALI/PENGANTIN/ PNCR/PPNCR	
		Tidak boleh bersalaman ketika akad nikah		
		Tidak boleh bersalaman dan berpelukan sepanjang berada di majlis akad nikah		
		Majlis Akad Nikah (khutbah, akad nikah, bacaan lafaz taklik dan doa) tidak melebihi 20 minit		
		Hendaklah segera bersurai setelah majlis akad nikah selesai		
Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di tempat yang sesuai				

BIL	PERKARA	LANGKAH	TINDAKAN	CATATAN
6.	PERINGATAN	<p>Mereka yang disahkan positif Covid 19 atau yang baru sembuh Covid 19 atau termasuk dalam kategori Patient Under Investigation (PUI) atau Person Under Surveillance adalah dilarang menghadiri majlis akad nikah</p> <p>Semua pihak yang terlibat hendaklah mengambil maklum dan memastikan semua peraturan PKP dipatuhi sepanjang majlis akad nikah</p>	WALI/PENGANTIN/ PNCR/PPNCR	